

**PERKEMBANGAN AJARAN SYIAH DAWOODI BOHRA DI NEGERI  
SELANGOR SATU TINJAUAN**

**Mohamed Fairooz B. Mohamed Fathillah<sup>1</sup> Mukhamad Khafiz B. Abd Basir<sup>2</sup>  
Noorsaadah bt Din<sup>3</sup>**

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

**ABSTRAK**

*Aliran Syiah yang menular di peringkat dunia selepas revolusi Islam Iran telah membawa pelbagai krisis akidah, pemikiran dan politik di dunia Islam termasuk di Malaysia. Perkembangan ini semakin serius apabila mereka dengan berani dan lantang menyuarakan bantahan terhadap fatwa pengharaman ajaran Syiah. Ajaran Syiah paling popular dan mendapat perhatian pihak-pihak penguatkuasaan agama di Malaysia ialah ajaran Syiah Imamiyyah. Namun terdapat satu lagi Aliran Syiah yang telah tersebar di Malaysia dan tidak mendapat perhatian yang serius di kalangan ahli akademik dan penguatkuasaan agama iaitu Ajaran Syiah Dawoodi Bohra. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sejauh mana pergerakan ajaran ini serta mengenalpasti doktrin dan amalan penganutnya. Bagi mencapai objektif ini, metod kajian kualitatif berbentuk tinjauan dan temu bual bersama pihak penganut dan pihak berkuasa telah dijalankan. Kajian ini mendapati bahawa ajaran Dawoodi Bohra telah menular ke Malaysia sejak sebelum merdeka. Namun ajaran ini tidak berkembang secara besar-besaran seperti ajaran Syiah Imamiyyah di mana sehingga tahun 2016 dianggarkan penganut ajaran ini tidak sampai seribu orang.*

*Kata kunci: Syiah, Kefahaman, Masyarakat Islam Malaysia.*

---

<sup>1</sup> Pensyarah Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Islam Selangor.  
[mfairooz@kuis.edu.my](mailto:mfairooz@kuis.edu.my)

<sup>2</sup> Pensyarah Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Islam Selangor.  
[mukhamadkhafiz@kuis.edu.my](mailto:mukhamadkhafiz@kuis.edu.my)

<sup>3</sup> Pensyarah Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Islam Selangor.  
[Norsaadah@kuis.edu.my](mailto:Norsaadah@kuis.edu.my)

Masyarakat Dawoodi Bohra di Malaysia telah wujud sejak lebih 150 tahun lalu di Klang. Mereka terdiri dari peniaga-peniaga berasal dari Bombay, India. Pada zaman pemerintahan Inggeris di Tanah Melayu, British telah mengurniakan tanah untuk kegunaan tanah perkuburan di Jalan Langat, Klang yang terletak berhampiran tanah perkuburan orang-orang Islam Simpang Lima, pada tahun 1932 dan telah diwartakan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Ketika itu tiada pengkhususan nama kumpulan tersebut kerana mereka lebih menumpukan kepada perniagaan.

Pada tahun 1975 persatuan ini ditubuhkan dan dianggotai oleh orang-orang India Muslim Syiah Fatimi Ismaili Tayyibi yang berasal dari Gujerat, Suraj dan Mumbai. Keahlian di Malaysia sekitar 700 orang dan di Selangor hampir 200 orang yang tidak melibatkan warga tempatan. Bahasa pertuturan sehari-hari sesama mereka yang digunakan ialah bahasa "*Lisanud Da'wat*" terdiri daripada Arab, Gujerati, Urdu dan Parsi. Mereka adalah dikalangan pedagang yang dipanggil Bohra iaitu dari perkataan Gujarati Vehru yang bermaksud "Perniagaan atau Perdagangan".

Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor yang telah bersidang pada 11 Disember 1982 telah memutuskan yang Persatuan Dawoodi Bohra Muslim Kelang, Selangor Malaysia adalah orang-orang Islam yang tidak termasuk dalam golongan Mazhab yang empat dan bukan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Persatuan ini juga dilarang mengembangkan fahaman yang dianuti kepada masyarakat Islam lain. Mereka juga dilarang untuk menumpukan corong pembesar suara ke luar bangunan semasa azan dikumandangkan. Persatuan atau individu dikalangan ahli dibenarkan membayar zakat kepada Majlis Agama Islam Selangor.

Kajian dibuat rentetan pemantauan dan pertemuan antara Pejabat Agama Islam Daerah Klang yang diwakili oleh Al Fadhil Ustaz Jamali bin Mohd Adnan bersama Huzefah bin Zainuddin, Bendahari persatuan merangkap jurucakap Persatuan Dawoodi Bohra pada 11 Januari 2016, di alamat di Tayebi Park, Lot 1467, Lorong Pokok Sakat 1, Off Jalan Dato' Dollah, 41000 Klang, Selangor. (Untuk makluman Pengurus persatuan ini adalah Dato' Hj. Akhtar Tahir seorang Hakim Kanan (Jenayah), Mahkamah Tinggi Shah Alam).

### **Kepercayaan Dan Amalan Dalam Dawoodi Bohra**

Dawoodi Bohra adalah dikalangan penganut Mazhab Syiah Fatimi Ismaili aliran Jaafariah (seorang Tabieen, ahli Hadis dan Mujtahid tahun 83-148). Aliran atau mazhab Jaafariah ini juga dikenali dengan Ismailiah kerana salah seorang imam yang ke-6 dalam mazhab ini ialah Ismail bin Jaafar Assadiq. Pada dasarnya mereka berbeza dengan Syiah Imamiah dan Ismailiah kerana mereka masih berpegang teguh dan mengakui Nabi Muhammad s.a.w sebagai Rasul dan memuliakan para sahabat dan tidak seperti Syiah Ghullat yang terus mengutamakan Saidina Ali dan mengkafirkkan para sahabat. (*Mausuah al Muyassarah Fi aladyan wal Mazahib*: ms 47)

Mereka adalah dari aliran Syiah paling sederhana dan berbeza dengan aliran Syiah Ismailiah Bathiniah atau Ismail Aga Khan. Sumber-sumber hukum yang menjadi pegangan mereka adalah Al-Quran dan as-Sunnah disamping Imam-imam yang tidak

fasiq. Mereka menganggap Ahli Sunnah adalah saudara bukannya musuh dan amat menghormati imam Shafie, Maliki, Hanafi dan Hambali. Malah Imam Abu Hanifah adalah salah seorang murid kepada Imam Jaafar Assadiq. Mereka juga menolak sama sekali amalan nikah mut'ah. Kalimah Syahadah mereka :

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ مُحَمَّدُ رَسُولُ اللَّهِ عَلَيْهِ وَلِيُّ الْأَنْبَاءِ

Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah dan Nabi Muhammad adalah Rasul Allah (sementara kalimah *Ali waliyaAllah* diniatkan dalam hati yang mengiringi dua kalimah syahadah).

Kumpulan ini juga merupakan kumpulan daripada zaman kerajaan Fatimiah yang pernah mengasaskan Universiti al-Azhar, Mesir. Selain itu membina beberapa masjid bersejarah antaranya Masjid Al-Azhar dan Masjid Jami' Ibn Tuloon di Mesir.

Kumpulan Dawoodi Bohra mengatakan bahawa mereka mengesakan Allah yang satu, mengakui bahwa nabi Muhammad S.A.W. merupakan rasul yang terakhir dan Saidina Ali bin Abu Talib sebagai penerima tanggungjawab selepas nabi Muhammad S.A.W. secara khusus. Selepas daripada Saidina Ali tanggungjawab ini diberikan kepada imam-imam dari keturunannya yang dimulai oleh Imam al- Hasan, Imam al- Husain dan seterusnya sehingga imam yang ke-21 iaitu Imam Tayyib bin Imam Am'r. Mereka juga mengatakan bahawa setiap imam akan berlaku pengasingan disebabkan penganiayaan. Imam ke -21, Imam Tayyib adalah pelengkap kepada pengasingan. Selama pengasingan Imam , satu organisasi dikenali sebagai al-Dakwah al-Hidayah atau al-Dai-al Mutlaq yang bertindak sebagai wakil imam dan memimpin bersama pihak berkuasa imam.

Organisasi unik ini merupakan organisasi yang berasal daripada keturunan Nabi Muhammad S.A.W, Saidina Ali suami kepada saidatina Fatimah, anak dan cucu dari keturunannya.

Organisasi ini bermula selepas berlakunya pengasingan oleh Imam ke-21 yang dimulai oleh Syedna Zoeb ibn Musa al- Wadii dari Yaman dan kini Dr. Syedna Mufaddal Saifuddin, al-Dai al Mutlaq ke – 53 dari India yang mengambil alih jawatan daripada bapanya Syedna Mohammed Buhanuddin pada Januari 2014.

Tugas Al- Dai Al- Mutlaq adalah untuk meneruskan misi imam, memelihara iman dan menjaga kesatuan dan kemurniaan masyarakat. Beliau merupakan wakil imam dan semua kenyataan di percayai oleh para pengikut.

Kesetiaan Dawoodi Buhro kepada imam dan Al-Dai Al-Mutlaq yang mewakili imam adalah kepercayaan teras iman yang dipanggil *walayaat* ( taat setia ). Selain daripada itu ialah tahaarat (kesucian dalam badan dan pemikiran), solat (solat harian), zakat (yang menawarkan sebahagian daripada pendapatan seseorang kepada Allah), puasa (terutama pada bulan Ramadhan), haji dan jihad (berjuang di jalan Allah ) mengingati kesyahidan Imam Hussin, anak Maulana (Saidina) Ali dan cucu nabi adalah juga satu amalan agama utama Dawoodi Bohra.

Antara amalan kumpulan ini juga adalah sembanyak di jama'kan antara zuhur dan asar, empat (4) rakaat diselang dengan dua (2) rakaat solat sunat. Boleh diqasarkan jika bermusafir melebihi 36 KM perjalanan pergi dan balik.

Kumpulan ini tidak melaksanakan solat Jumaat kerana ketiadaan Imam setelah mengasingkan diri (tiada). Mereka hanya melakukan sembahyang biasa.

Ahli wanita memakai pakaian yang dinamakan Rida' iaitu pakaian menutup aurat, tetapi kelihatan sedikit rambut. Mereka mengatakan aurat wanita seperti yang difahami oleh Ahli Sunnah Wal Jamaah, menutup keseluruhan badan kecuali dua tapak tangan, namun kefahaman tersebut tidak sama seperti yang diamalkan.

Kumpulan ini tidak mengamalkan nikah Mutu'ah kerana hukumnya adalah haram. Sebagai mana kumpulan ini tidak mengkafirkan para sahabat kerana mereka menerima segala kejadian yang berlaku dan setiap sahabat mempunyai kelebihan serta kefahaman tersendiri terhadap ajaran Islam.

Menyambut hari Asyura sebagai memperingati kesyahidan Saidina Husin sebagai pejuang menegakkan agama Islam di Karbala. Menyediakan buku panduan amalan ketika menziarahi Makam Al-Dai Al-Mutlaq (Raudat Tahera) yang dimuatkan dengan adab-adab menziarahi raudat, bacaan Yassin, doa-doa tawassul dengan para Aulia' Al-Dai Al-Mutlaq dan seumpamanya.

Hasil penyelidikan, maklumat yang diperolehi dan pengakuan mendapati Dawoodi Bohra adalah pengikut **Mazhab Syiah Fatimi Ismaili Tayyibi aliran Jaafariah** yang berpegang dengan *al-Quran Mashaf Uthmani*. Secara prinsip, kumpulan ini mempunyai pegangan yang sama dengan kumpulan-kumpulan Syiah yang lain. Bagaimanapun, hasil temubual dengan beberapa pimpinan kanan kumpulan ini, terdapat perbezaan pegangan Kumpulan berbanding dengan Syiah Imamiah dan Syiah Pelampau.

Syiah Dawoodi Bohra di Malaysia tidak menimbulkan masalah dari segi fahaman atau pegangan mereka kerana mereka tidak menyebarkan fahaman mereka kepada orang lain kecuali kepada ahli kumpulan sahaja.

Kumpulan ini di negara kita juga tidak bergiat dalam bidang politik dan membuat hubungan baik dengan pemimpin-pemimpin negara di mana-mana negeri cawangannya. Mereka hanya menumpukan perniagaan bagi membangunkan ahli dan persatuan sehingga mendapat pengiktirafan daripada kerajaan India sendiri dan negara cawangannya kepada para pemimpin mereka.

## SYOR

Bagi memelihara akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah di kalangan masyarakat Islam Selangor dan hubungan dengan Persatuan Dawoodi Bohra di Malaysia khususnya adalah disyorkan perkara berikut:

1. Mengekalkan fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor pada 11 Disember 1982.
2. Membuat pemantauan berkala terhadap kumpulan ini bagi memastikan fatwa dan kebenaran khas tersebut dipatuhi.